

PM: Majukan industri kecil di luar bandar

Oleh MOHD. KAMIL
YUSUFF dan RAMLI
ABDUL KARIM

BANDAR PUSAT JENKA 28 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri kecil atau sampingan perlu dimajukan di kawasan luar bandar bagi mengelakkan kepupusan tenaga kerja di sektor pertanian berikutan penghijrahan besar-besaran penduduk ke bandar.

Menurut Perdana Menteri, pengurangan jumlah penduduk luar bandar begitu pantas dan ketara pada masa ini sehingga kerajaan gagal menanganinya masalah itu.

Menurut beliau, masalah itu berpunca daripada ketiadaan peluang kerja yang menarik perhatian penduduk terutama golongan muda seperti yang ditawarkan di bandar-bandar.

“Oleh kerana pendapatan pertanian begitu rendah dan kerja pula tidak selesa, kita tidak dapat memujuk rakyat kita sendiri untuk bekerja di sawah atau ladang.

“Hari ini kita terpaksa menggunakan tenaga pekerja asing atau membiarkan saja pohon getah tidak ditoreh dan buah kelapa sawit tinggal di

pokok,” katanya ketika merasmikan Hari Desa Wawasan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Stadium Mini dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

[Lagi berita dan gambar di muka 2 dan 3]

Dr. Mahathir berkata, industri kecil seperti pembuatan paku dan barangan gentian kaca yang turut menekankan kecanggihan teknologi adalah antara perusahaan sampingan yang boleh diwujudkan di luar bandar.

Dalam pada itu, beliau menegaskan betapa pentingnya pembentukan budaya kerja dalam menayakan proses peralihan pertanian sepenuhnya kepada pewujudan industri sampingan.

Perdana Menteri berkata, bangsa-bangsa pengindustrian dunia maju bukan disebabkan penerokaan mereka dalam ilmu kejuruteraan dan teknologi semata-mata.

“Tetapi kejayaan mereka disebabkan budaya kerja mereka iaitu berdisiplin, bertanggungjawab, rajin, tekun, menitikberatkan mutu pengeluaran dan mengelakkan sebarang kecacatan,” jelasnya.

Menurutnya, walaupun industri tersebut adalah industri kecil bertujuan menambahkan pendapatan penduduk luar bandar, namun penerapan budaya kerja ini boleh menjadikan mereka usahawan berjaya.

“Jika perusahaan itu dapat diwujudkan terutama pada waktu lapang, ia akan dapat mengekalkan kos rendah dalam bidang pertanian. Jika kita dapat menaikkan industri pembuatan di luar bandar kepada yang sederhana dan keselesaan pekerja diperbaiki, penduduk luar bandar tidak akan terlalu berkurangan,” tambah beliau.

Dengan cara ini, Dr. Mahathir memberi jaminan penduduk luar bandar akan menikmati cara dan taraf hidup yang tidak jauh berbeza daripada penduduk bandar.

“Impian kita ialah melihat ladang besar dimiliki oleh petani-petani yang mengusahakannya secara industri pertanian bukan lagi ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,’” katanya.